

# Kerajaan tingkat capaian internet di pedalaman

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**  
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kepeyahan pelajar Asasi Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) Veveonah Mosibin untuk mendapat capaian internet tidak akan berulang selepas kerajaan berjanji untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut terutama di kawasan pedalaman.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin berkata, kerajaan telah mengenal pasti masalah tersebut dan berjanji akan memastikan capaian internet serta kemudahan asas lain dapat dipertingkatkan pada masa hadapan.

Beliau turut menyifatkan kenyataan dua pemimpin sebelum ini iaitu Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin serta Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abdul Rahim Bakri terhadap Veveonah Mosibin adalah tidak wajar.

“Kerajaan setuju bahawa isu ini adalah isu capaian internet dan kemudahan asas lain yang wujud di pedalaman. Sehubungan itu, kerajaan akan berusaha sebaik mungkin untuk menambah baik kemudahan asas di sana.”



**KHAIRY JAMALUDDIN**

“Jemaah Menteri pagi tadi telah berbincang isu Veveonah. Kabinet ambil maklum kenyataan dua timbalan menteri tidak betul serta tidak wajar,” katanya menerusi ciapan Twitternya semalam.

Sebelum ini, tular video yang menunjukkan pelajar Asasi Sains dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu, berada di atas pokok untuk mendapatkan capaian internet yang lebih baik bagi menjawab soalan peperiksaan pada 12 Jun lalu.

Zahidi kemudian mengakui semasa mendakwa Veveonah yang juga personaliti YouTube menipu kononnya terpaksa memanjat pokok bagi mendapat liputan internet bagi menjawab peperiksaan yang diadakan secara dalam talian.

Malah, Abdul Rahim yang juga Ahli Parlimen Kudat mendakwa isu yang didakwa Veveonah Mosibin adalah palsu, malah beliau menganggap pelajar terbabit hanya ‘membuat drama’ bagi mendapat perhatian.